

9 MAC 2018

Polis rampas dadah terbesar RM 2 juta

Miri

Polis rampas dadah terbesar RM2 juta

Helah seorang lelaki menyembunyi dadah bernilai RM2 juta dalam bungkusan teh Cina dan durian kering jenama luar negara tidak menjadi selepas ditahan polis di sebuah stesen minyak di Simpang Ngu, Jalan Miri-Bintulu di sini, Isnin lalu.

Suspek berusia 23 tahun itu ditahan dalam operasi kira-kira jam 8 malam, membabitkan sepasukan pegawai dan anggota dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Miri, yang bertindak atas maklumat risikan.

Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Amer Awal berkata, penahanan suspek membawa penemuan pelbagai jenis dadah di sebuah rumah di Tanjong Lobang di sini, dipercayai dijadikan pusat pembungkusan.

“Pemeriksaan lanjut membawa kepada penemuan syabu seberat 2,578 gram, ganja (3,516 gram), 1,230 pil Eramin 5, selain 3,568 pil ekstasi dan 950 pil Yaba, dengan berat keseluruhan tujuh kilogram dan nilai pasaran dianggarkan mencecah RM2 juta kegiatan haram mereka,” katanya pada sidang media, di sini pagi semalam.

Amer ketika mengulas lanjut, berkata jumlah dan nilai rampasan dadah itu adalah yang terbesar di Sarawak bagi suku pertama tahun ini.

